

10/07/2003

R&D anjakan kritikal kejayaan negara masa depan

Khairul Anuar Abdul Samad

Pengenalan kategori pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam Anugerah Teknologi Maklumat dan Komunikasi Asia Pasifik-Koridor Raya Multimedia 2003 (MSC-APICTA 2003) akan merealisasikan usaha kerajaan melahirkan sejumlah pakar R&D untuk keperluan masa depan negara.

Ketua Pegawai Eksekutif, Multimedia Development Corp (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata, kategori baru diperkenalkan dalam anugerah tahun

ini dianggap kritikal untuk kejayaan negara pada masa depan.

Katanya, kategori R&D ini dianggap antara elemen penting dalam anjakan besar bagi proses pembangunan fasa kedua MSC yang memerlukan elemen teguh

seperti tenaga pakar R&D berinovasi.

"Penaung anugerah ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi penekanan dalam bidang R&D dengan meminta semua pihak di negara ini supaya lebih banyak terbabit dalam R&D. Dan anugerah kali ini menerima

17 penyertaan dan ini sambutan menggalakkan.

"Melalui pengenalan kategori baru ini, MDC yakin ia akan menjadi kaedah

baru bagi mencari penyelidik serta inovasi termaju tempatan khususnya daripada pelajar universiti dan sektor swasta," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian cek daripada kumpulan pertama penaja yang disaksikan oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Pada majlis itu, 10 syarikat menyampaikan tajaan masing-masing berjumlah

RM345,000. Telekom Malaysia (Telekom) menyumbang RM100,000 untuk anugerah

Perdana Menteri. Sumbangan Telekom disampaikan oleh timbalan ketua eksekutifnya, Datuk Dr Abdul Rahim Daud.

Dr Mohamed Arif berkata, tujuan menganjurkan anugerah ini ialah untuk mengubah mentaliti pihak tertentu, khususnya dari negara Barat yang menganggap rantau ini hanya sebagai 'tempat' untuk pengeluaran walaupun terdapat banyak kilang pengeluaran berteknologi tinggi.

Katanya, pada hakikat sebenarnya rantau ini sudah berinovasi beribu tahun lalu, malah ia kini sedang melalui satu transisi untuk bersaing dengan Barat, iaitu ke arah pembentukan ekonomi kukuh berasaskan pengetahuan.

"Adalah penting untuk kita bersama mewujudkan satu jenama kukuh bagi keseluruhan rantau ini bagi menjadikannya sebagai satu tempat berupaya menghasilkan satu idea baru serta lebih berinovatif," katanya.

Beliau berkeyakinan melalui anugerah ini, pemenangnya mampu mencipta nama di peringkat antarabangsa seperti menghasilkan kepakaran Adobe atau eBay baru mengikut ciptaan dan acuan rantau ini khususnya daripada Malaysia.